

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
PEMBELIAN DOKUMEN TENDER/SEBUT HARGA
BAGI TAWARAN PEROLEHAN PEMBEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA
OLEH PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO)
DI SEPANJANG TEMPOH PELAKSANAAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

1. TUJUAN

- 1.1 SOP ini bertujuan untuk menerangkan prosedur pembelian dokumen tender/sebut harga tawaran perolehan pembekalan/perkhidmatan/kerja oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) di sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- 1.2 Tarikh kuatkuasa SOP tersebut adalah pada 1 Disember 2020 sehingga diumumkan tamat tempoh pelaksanaan PKP.

2. PEMBELIAN DOKUMEN TENDER/SEBUT HARGA

- 2.1 Syarikat boleh membuat pembelian dokumen tender/sebut harga di kaunter ibu pejabat MyIPO sahaja.
- 2.2 Syarikat perlu memastikan bahawa syarikat beliau telah memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Kenyataan Tender/Sebut Harga MyIPO.
- 2.3 Syarikat yang berminat dan berkelayakan boleh membuat pembelian dokumen tender/sebut harga dengan **mengisikan Borang Pembelian Dokumen Tender/Sebut Harga (rujuk Lampiran 1)** dan menghantarkan dokumen tersebut ke kaunter ibu pejabat secara serahan tangan.
- 2.4 Syarikat hendaklah memastikan maklumat yang diisi dalam Borang Pembelian Dokumen Tender/Sebut Harga adalah betul dan lengkap.
- 2.5 Sebelum penyerahan ke kaunter MyIPO, pastikan **bayaran adalah cukup** sepertimana yang dinyatakan dalam Kenyataan Tender/Sebut Harga beserta dengan dokumen-dokumen seperti berikut ada disertakan :-
 - (i) **Borang Pembelian Dokumen Tender/Sebut harga (Rujuk Lampiran 1)**
 - (ii) **Bank Draft atau Wang Pos atau Kiriman Wang dengan amaun yang dinyatakan dalam Kenyataan Tender/Sebut Harga.**
 - (iii) **Salinan fotostat (tidak dikembalikan) Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.**
 - (iv) **Salinan fotostat (tidak dikembalikan) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) jika berkenaan.**

2.6 Kaunter MyIPO hanya terbuka pada **hari Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum), jam 10.00 pagi hingga 1.00 petang sahaja.**

2.7 Sebarang persoalan mengenai pembelian dokumen tender/sebut harga, syarikat boleh berhubung dengan **Unit Perolehan** melalui talian telefon **03-22998820.**

3. CARA BAYARAN

3.1 Bayaran boleh dibuat dengan menggunakan **Bank Draft, Wang Pos dan Kiriman Wang sahaja.**

3.2 Bank Draft, Wang Pos dan Kiriman Wang hendaklah dibayar atas nama **Perbadanan Harta Intelek Malaysia.**

3.3 Harga dokumen tender/sebut harga adalah berdasarkan ketetapan yang telah dinyatakan di dalam Kenyataan Tender/Sebut Harga MyIPO.

3.4 Pastikan bayaran adalah betul dan tepat.

4. PENGELUARAN RESIT

4.1 Mengemukakan Borang Pembelian Dokumen Tender/Sebut Harga yang telah lengkap diisi beserta dengan dokumen berkaitan dan bayaran yang cukup untuk pengeluaran resit.

4.2 Resit tidak akan dikeluarkan sekiranya bayaran tidak mencukupi atau syarikat tidak mengemukakan dokumen yang dikehendaki dan juga tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam tawaran perolehan pembekalan/perkhidmatan/kerja yang telah diiklankan.

5. PENGAMBILAN RESIT DAN DOKUMEN TENDER/SEBUT HARGA


5.1 Syarikat yang telah buat bayaran boleh mendapatkan resit dan dokumen tender/sebut harga di pejabat MyIPO pada hari dan masa seperti berikut :-

Alamat : **Pejabat Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Unit Perolehan
Aras 18, Tower B, Menara UOA Bangsar,
No. 5 Jalan Bangsar Utama 1,
Kuala Lumpur.**

Hari dan Masa : **Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum)
2.30 petang hingga 4.30 petang**

5.2 Syarikat dikehendaki membawa dan menunjukkan salinan asal Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan semasa pengambilan resit dan dokumen tender/sebut harga.

CARTA ALIRAN
PENGURUSAN PEMBELIAN DOKUMEN TENDER/SEBUT HARGA
SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)





PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
INTELLECTUAL PROPERTY CORPORATION OF MALAYSIA

BORANG PEMBELIAN DOKUMEN TENDER/SEBUT HARGA

TENDER

SEBUT HARGA

Tarikh : _____

Nama Syarikat : _____

No. Telefon : _____

Emel : _____

Nama Pegawai Yang Akan Mengambil Resit dan Dokumen : _____

No. Tender/Sebut harga : _____

Keterangan Tender/Sebut Harga : _____

SENARAI CHECKLIST :

Jumlah Bayaran : _____

Kaedah Pembayaran : Bank Deraf Kiriman Wang
 Wang Pos

Dokumen Sokongan : Sijil Kementerian Kewangan di bawah kod bidang sepertimana yang dinyatakan dalam kenyataan tender/sebut harga MyIPO
 Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Nota : Tandakan “√” dipetak yang berkenaan